



## SIARAN MEDIA

### MALAYSIA GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CORPORATION (MGTC) & YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM)

---

#### MGTC DAN YWM AGIH RM190,000 DANA WAKAF MASJID HIJAU KEPADA 4 MASJID TERPILIH

**31 Mac 2023, Bangi:** Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada hari ini telah mengagihkan RM190,000 Dana Wakaf Masjid Hijau (WMH) kepada empat (4) buah masjid bagi melaksanakan inisiatif hijau.

4 masjid yang telah berjaya bagi fasa pertama ini ialah Masjid Nurul Iman, Pulau Pinang dan Masjid Dato' Klana Petra Sendeng, Negeri Sembilan bagi pemasangan sistem solar PV, Masjid Zaid bin Haritsah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi pembangunan kebun bandar lestari dan Masjid Jamek Tan Sri Ainuddin Wahid, Johor bagi sistem pengumpulan dan rawatan air hujan serta pemasangan pili cekap air.

WMH merupakan sumber pendanaan bagi projek pembangunan masjid di Malaysia berasaskan teknologi hijau di samping menyebarkan kepentingan gaya hidup hijau terutamanya di kalangan ahli kariah masjid dan masyarakat setempat. Berkonsepkan pengumpulan dana awam yang dilancarkan pada akhir tahun 2021, inisiatif ini juga diharapkan dapat meningkatkan tahap kecekapan tenaga dan air, mengurangkan kos operasi, pengurusan sisa yang baik, mengurangkan pembebasan karbon dan meningkatkan amalan hijau ke arah kelestarian alam sekitar.

Majlis Penyerahan Dana WMH ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bersama YBhg. Dato' Selamat bin Paigo, Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merangkap Naib Pengerusi YWM bersempena dengan Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 2023, bermula 1 Ramadan 1444H yang lalu.

Menerusi majlis ini juga, beliau telah menyerahkan Plak Rumah Ibadat Hijau kepada tiga (3) masjid pertama yang telah berjaya menunjukkan pengurangan karbon berbanding penanda aras yang telah ditetapkan iaitu Masjid Al-Hasanah, Selangor; Masjid Jamek Ara Kuda, Pulau Pinang dan Masjid Zaid bin Haritsah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Ketiga-tiga masjid ini telah mendapat pengiktirafan *Diamond Recognition* di dalam Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022 anjuran MGTC. Inisiatif seumpama ini jelas menunjukkan komitmen yang berterusan daripada semua pihak dalam usaha menangani isu perubahan iklim untuk mencapai pelepasan GHG sifar bersih negara seawal-awalnya pada 2050.

Antara inisiatif hijau yang telah dilaksanakan adalah seperti kecekapan tenaga, kecekapan air, sumber alternatif seperti tenaga boleh baharu dan telaga tiub serta pengurusan sisa terpakai melalui program 3R (*Recycle, Reduce and Reuse*).

Selain itu, YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad dan YBhg. Dato' Selamat bin Paigo, Ketua Pengarah JAWHAR merangkap Naib Pengerusi YWM juga menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) di antara MGTC yang diwakili oleh Ts. Shamsul Bahar bin Mohd Nor, Ketua Pegawai Eksekutif manakala YWM pula diwakili oleh Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YWM.

- Tamat -

---

### **Mengenai MGTC**

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) adalah agensi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau, Memajukan Mitigasi Perubahan Iklim dan Menyokong Budaya Gaya Hidup Hijau. Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP). MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada Nationally Determined Contribution (NDC) Mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) KDNK sebanyak 45% (tanpa syarat) menjelang 2030 berbanding intensiti pelepasan KDNK pada tahun 2005, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjaanaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

### **Mengenai YWM**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM, maklumat terkini pelaksanaan projek wakaf dan untuk berwakaf sila layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)